

26/07/1999

Wanita bincang perkongsian pintar

KONSEP perkongsian pintar yang dicetuskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi memupuk kemakmuran bersama di kalangan negara Selatan kini dipanjangkan kepada pembabitan wanita.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semalam mempengerusikan sesi dialog pertama wanita dalam LID sejak siri dialog itu diperkenalkan pada 1995.

Kira-kira 30 peserta dari kalangan Wanita Pertama yang mengiringi suami masing-masing ke LID serta 12 tokoh wanita Malaysia berdialog selama kira-kira sejam bagi membincangkan agenda pendidikan, kepenggunaan dan pengurusan kewangan.

Menurut Dr Siti Hasmah, sesi pertama membuah hasil yang memuaskan kerana peserta membentangkan pengalaman di negara masing-masing secara terbuka dan tidak formal.

"Sebagai peserta LID dan bukannya semata-mata mengiringi pasangan, Wanita Pertama serta tokoh dalam pelbagai bidang boleh menyumbang kepada pemulihan ekonomi.

"Dalam sesi yang boleh dikatakan brain storming ini kami berbincang bagaimana perkongsian pintar boleh dimanfaatkan oleh wanita dalam isu pendidikan, sebagai pengguna yang mengawal perbelanjaan dan cara pengurusan kewangan," katanya pada sidang akhbar selepas dialog itu.

Menurutnya, isu dan pengalaman berhubung pembangunan teknologi maklumat (IT) turut dibangkitkan oleh peserta.

Dr Siti Hasmah berkata, sesi seumpama itu akan turut diadakan pada Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) kali kedua yang akan diadakan di Zimbabwe, Oktober ini. Sesi itu akan dipengerusikan oleh isteri Presiden negara itu, Grace Mugabe.

Sementara itu, presiden sebuah badan bukan kerajaan (NGO), Majlis Pengurusan Wang, yang berpangkalan United Kingdom, Marie Jennings Cadongan, berkata minat pemimpin wanita terhadap isu seperti kegawatan ekonomi adalah penting.

Katanya, organisasi seperti Majlis Pengurusan Wang dan Persekutuan Kebangsaan Pengguna yang dipimpinnya, disertai dan dikendalikan oleh peringkat akar umbi.

"Pada sesi ini, saya menyaksikan minat di kalangan isteri pemimpin negara dan juga pemimpin wanita, mereka tidak langsung berasa tersisih atau jauh daripada pelbagai peristiwa dalam dunia hari ini, dan ini amat bagus," katanya yang sudah tiga kali menyertai LID.

Turut hadir pada sesi itu Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail; Pengarah Lembaga Penduduk dan Perancangan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Dr Raj Karim; isteri Menteri Besar Johor, Datin Prof Jamilah Ariffin; dan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Sharizat Abdul Jalil.

(END)